

PROSES TRANSFORMASI NARATIF DARIPADA NOVEL KE FILEM DALAM *TOMBIRUO: PENUNGGU RIMBA* (2017)

NUR AIFAA NABILAH MOHD ROSDI
Universiti Kebangsaan Malaysia
effarosdi93@gmail.com

NUR AFIFAH VANITHA ABDULLAH
Universiti Kebangsaan Malaysia
nurafifah@ukm.edu.my

FATIMAH MUHD SHUKRI
Universiti Kebangsaan Malaysia
fatimahmuhdshukri@gmail.com

ABSTRAK

Tombiruo: Penunggu Rimba (2017) adalah filem yang diadaptasi daripada novel popular karya Ramlee Awang Murshid pada tahun 1998 dengan judul yang sama. Filem ini berjaya mencapai kutipan tiket sebanyak empat juta Ringgit Malaysia dalam tempoh lapan hari tayangan dan jumlah keseluruhan kutipan tiketnya mencecah lapan juta Ringgit Malaysia. Walaupun berjaya meraih gelaran filem ‘box office’, *Tombiruo: Penunggu Rimba* didakwa gagal mengangkat jalan penceritaan seperti mana dalam novel. Sehubungan dengan itu, artikel ini bertujuan menjawab persoalan: “apakah proses transformasi yang dilalui oleh naratif filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* apabila diadaptasi dari novel ke filem?” Melalui penyelidikan asas dengan kaedah kualitatif jawapan bagi persoalan kajian diperolehi. Instrumen utama bagi memperoleh data adalah analisis kandungan terhadap novel dan filem *Tombiruo: Penunggu Rimba*. Antara sumber rujukan melalui kajian perpustakaan adalah seperti artikel jurnal, buku, bab dalam buku, disertasi, majalah, dan akhbar. Artikel ini mengaplikasi prinsip transformasi dalam ‘teori intertekstualiti’ oleh Julia Kristeva sebagai kerangka analisis. Dapatan artikel ini adalah, sebahagian besar naratif novel dipindahkan oleh pengarah ke filem. Namun begitu perubahan yang signifikan tetap dilakukan pada plot dan watak. Hal ini terpaksa dilakukan kerana filem berbentuk audio visual. Filem memiliki sifat berbeza berbanding novel dan oleh yang demikian gaya naratif novel tidak mungkin dapat digarap secara mutlak ke bentuk filem. Oleh yang demikian naratif sebuah novel harus melalui transformasi untuk dipersembahkan dalam bentuk filem.

Kata Kunci: Filem Melayu; intertekstualiti; kritikan filem; transformasi; *Tombiruo: Penunggu Rimba*.

NARATIVE TRANSFORMATION PROCESS FROM NOVEL TO FILM IN *TOMBIRUO: PENUNGGU RIMBA* (2017)

ABSTRACT

Tombiruo: Penunggu Rimba (2017) is a Malay film adapted from a popular novel with the same title, written by Ramlee Awang Murshid in 1998. This film gained Ringgit Malaysia four million within eight days of screening and in total made ticket sales of eight million Ringgit Malaysia. Although this film garnered the 'box office' title, there are claims that it failed to portray the exact narrative that of the novel which it was adapted from. Thus, this article intends to answer, the narrative transformation and modification process *Tombiruo: Penunggu Rimba* film has gone through from the novel. Through a fundamental research and qualitative research design, answer to the research question was gained. The main research instrument was content analysis of both the novel and film. Through library research, materials such as journal articles, books, chapter in books, dissertations and magazines were studied. This article applied the transformation and modification process in the Intertextuality Theory by Julia Kristeva as its analysis tool. The findings are that the director has transferred most aspects of the novel to the film's narrative. Yet, some significant changes were made to the plot and character because film is an audio-visual medium. Film has different characteristics compared to a novel. Thus, it would be impossible to totally portray the narrative of a novel into film. The narrative of a novel has to undergo the transformation process in order to be presented as a film narrative.

Keywords: Malay Film; intertextuality; film criticism; transformation; *Tombiruo: Penunggu Rimba*.

PENGENALAN

Tombiruo: Penunggu Rimba adalah novel popular karya novelis *thriller* nombor satu di Malaysia, Ramlee Awang Murshid (Nina Farzuan, 2014). Novel ini diterbitkan pada tahun 1998 oleh syarikat penerbitan Alaf 21. Pada awal penerbitan, novel ini tidak mendapat sambutan oleh pembaca kerana judulnya dianggap tidak komersial. Namun, Ramlee Awang Murshid tidak berhenti berusaha menjadikan novel ini sebuah karya yang mantap. Akhirnya, usaha beliau terbukti apabila novel ini berjaya diulang cetak sebanyak 18 kali (Rubiah Aksah, 2015). Ulangan cetakan ini membuktikan bahawa novel ini mendapat sambutan yang hebat oleh pembaca. Justeru itu, novel ini telah diangkat ke layar perak pada tahun 2017 oleh dua orang pengarah terkenal iaitu Nasir Jani dan Seth Larney (Liz Shackleton, 2016)

Di layar perak, *Tombiruo: Penunggu Rimba* merupakan filem 'box office' di Malaysia. Hal ini terbukti apabila filem ini berjaya mencapai kutipan tiket sebanyak empat juta Ringgit Malaysia dalam tempoh lapan hari tayangan. Manakala, jumlah kutipan tiket keseluruhan tayangan filem ini mencecah sebanyak 8 juta Ringgit Malaysia (Finas, 2017). Selain mencapai tahap kutipan 'box office', filem ini turut berjaya dilabelkan sebagai filem aset negara. Hal ini kerana kandungan dalam filem ini bukan sahaja memaparkan keindahan khazanah hutan yang tidak ternilai harganya, malah filem ini turut memaparkan sosio budaya masyarakat Kadazan-Dusun di Sabah.

Cebisan-cebisan pengalaman dan rencah kehidupan masyarakat Kadazan-Dusun telah dipaparkan secara realistik oleh Nasir Jani menerusi filem ini (Ayu Dewy Puspa, 2017).

Walaupun meraih gelaran filem ‘*box office*’, *Tombiruo: Penunggu Rimba* telah didakwa tidak mampu mengangkat jalan penceritaan yang sama dengan karya asalnya” (Hani Salwah Yaakup, 2018). Sehubungan dengan itu, artikel ini bertujuan menjawab persoalan: “apakah aspek transformasi yang dilalui oleh naratif filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* apabila di diadaptasi dari novel ke filem?” Oleh itu dengan mengaplikasi elemen-elemen transformasi penelitian dilakukan terhadap naratif novel dan filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* untuk memperolehi jawapan kepada persoalan artikel ini.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Sorotan daripada kajian lepas mendapati bahawa kajian khusus terhadap filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* ini masih terhad. Hal ini dapat dikenal pasti menerusi peringkat ijazah mahupun untuk tujuan penyelidikan semata-mata. Setakat ini hanya terdapat satu penulisan lepas sahaja yang mengangkat *Tombiruo: Penunggu Rimba* sebagai subjek kajian utama (Hani Salwah Yaakup, 2018).

Makalah Hani Salwah Yaakup (2018) meneliti kepercayaan spiritual masyarakat Kadazan-Dusun yang telah direpresentasikan dalam filem *Tombiruo: Penunggu Rimba*. Permasalahan makalah ini adalah, naskhah yang diadaptasi seringkali diselar kerana tidak mampu mengangkat jalan penceritaan yang sama dengan novel, khususnya melalui ketidaktepatan representasi budaya. Maka, makalah ini ingin menjawab satu persoalan iaitu bagaimana kepercayaan spiritual yang cuba direpresentasikan dalam filem *Tombiruo: Penunggu Rimba*? Makalah ini mengaplikasikan kaedah penyelidikan kualitatif bersifat deskriptif dengan membuat perbandingan dari aspek unsur naratif antara novel dengan filem. Makalah ini menemukan bahawa filem ini tidak memvisualkan dengan jelas berkenaan dengan kepercayaan dan adat masyarakat Kadazan-Dusun serta penjelasan mengenai plot dan sebab akibat watak bertindak dalam sesuatu babak berkenaan kepercayaan masyarakat Kadazan Dusun tidak diperincikan dengan jelas. Ini jelas menunjukkan bahawa makalah oleh Hani Salwah Yaakup ini meneliti filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* dari aspek kepercayaan masyarakat Kadazan-Dusun yang telah direpresentasikan dalam filem ini. Sedangkan artikel ini meneliti filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* dari sudut transformasi yang dilakukan oleh pengarah dari aspek unsur naratif.

METODOLOGI KAJIAN

Artikel ini bersandarkan kajian penyelidikan asas dengan reka bentuk kajian kualitatif serta mengaplikasikan analisis kandungan sebagai instrumen kajian. Analisis kandungan diaplikasikan bagi memperoleh maklumat daripada sumber primer dan sekunder. Sumber primer kajian ini adalah novel dan filem *Tombiruo: Penunggu Rimba*. Analisis kandungan dilakukan ke atas novel dan filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* bagi meneliti transformasi naratif. Manakala sumber sekunder diperolehi daripada artikel, jurnal, buku, bab dalam buku, disertasi, majalah, kertas kerja prosiding,

dan akhbar. Kaedah ini dilakukan bertujuan untuk mencari maklumat mengenai konsep-konsep adaptasi novel kepada filem, kajian-kajian lepas tentang filem adaptasi novel ke filem, kajian-kajian lepas yang mengaplikasikan teori intertekstualiti oleh Julia Kristeva dan bahan-bahan yang berkaitan dengan artikel ini.

KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil daripada penelitian terhadap novel dan filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* mendapati bahawa wujud persamaan naratif antara novel dengan filem. Walaupun bukan secara keseluruhan, namun tetap ada yang dilakukan pemindahan ke dalam filem. Pemindahan ini telah dilakukan menerusi aspek transformasi plot, watak dan perwatakan, serta latar merangkumi latar tempat, masa, dan masyarakat. Justeru itu, perbincangan ini akan difokuskan kepada tiga bahagian utama. Pertama: transformasi plot, kedua: transformasi watak dan perwatakan, ketiga: transformasi latar merangkumi latar tempat, masa, dan masyarakat.

Transformasi Plot

Elemen plot filem ini telah mengalami perubahan yang ketara, terutamanya bahagian awal. Perubahan ini berlaku kerana Nasir Jani (pengarah) dan Ramlee Awang Murshid (penulis skrip) telah melakukan rombakan terhadap jalan cerita yang terdapat dalam novel. Rombakan ini dilakukan kerana novel dan filem merupakan medium seni yang berbeza. Novel tertumpu kepada gaya bahasa manakala filem menggunakan visual dan audio (Nur Nafishah, Rohani Hashim, & Rahimah A.Hamid, 2012). Oleh sebab itu, jalan cerita yang terdapat dalam filem perlu dilakukan rombakan semula oleh pengarah dan penulis skrip. Walau bagaimanapun, terdapat juga peristiwa-peristiwa yang dipindahkan pada bahagian ini bagi mengekalkan keaslian cerita. Peristiwa pertama yang dilakukan pindahan adalah menerusi peristiwa Tobugi melahirkan Tombiruo dan kembarnya, Amiruddin. Hal ini dapat dibuktikan dalam jadual 1:

JADUAL 1. Transformasi Peristiwa Tobugi Melahirkan Tombiruo dan Amiruddin.

Novel Tombiruo: Penunggu Rimba	Filem Tombiruo: Penunggu Rimba
Tobugi mengerang kesakitan. Suasana subuh yang bening, kini dihingari suara jeritannya. Tobugi berasa seluruh tubuhnya seperti diragut maut. Peluh memercik bagaikan titisan hujan, menyimbah tumbuh mongel. Tobugi terlantar tanpa beralas sambil kedua-dua belah kakinya dikangkang, berusaha bersungguh melahirkan bayinya yang dikandung selama sembilan bulan di dalam Rahim. Monsiroi dan Binjuyan berusaha bersungguh-sungguh. Akhirnya Tobugi berjaya melahirkan anak. Banyak darah yang tumpah. Monsiroi menyambut kelahiran anak Tobugi. ”Lelaki!” jerit Monsiroi riang,	Adegan ini memaparkan Nenek Monsiroi mengimbas kembali peristiwa Tobugi melahirkan Tombiruo dan Amiruddin di sebuah pondok usang. Kedua-dua bayi tersebut telah disambut olehnya. Selepas melahirkan, kedua-dua bayi tersebut, Tobugi meninggal dunia. (minit 2. 30 hingga minit 4.00)

(Tombiruo: Penunggu Rimba, 2018: 360-361)

Sumber: Novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* 2018 dan Filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* 2017.

Jadual 1 menunjukkan peristiwa Tobugi melahirkan Tombiruo dan kembarnya, Amiruddin. Peristiwa ini dilakukan pindahan oleh Nasir Jani ke dalam filem bagi menjelaskan kisah awal ataupun sejarah siapa dan apakah Tombiruo. Namun begitu, Nasir Jani turut mengubah sedikit jalan penceritaan dalam filem. Menerusi novel, kelahiran Tombiruo disambut oleh Nenek Monsiroi, *bobolian* (perantara dengan dunia ghaib /bomoh) dan Binjuyan. Namun dalam filem, kelahiran Tombiruo disambut oleh Nenek Monsiroi. Perkara Ini jelas dapat dilihat pada minit 2.30 hingga minit 4.00 iaitu adegan Nenek Monsiroi mengimbas kembali peristiwa Tobugi melahirkan Tombiruo dan kembarnya di sebuah pondok usang. Ini jelas menunjukkan bahawa Nasir Jani telah mengugurkan watak Binjuyan tetapi peristiwa yang sama masih dikekalkan dalam filem *Tombiruo: Penunggu Rimba*.

Transformasi pada bahagian permulaan ini juga dapat dikesan apabila peristiwa Tarawid dan Gagai bertaruh bagi menyelamatkan Tobugi daripada dibunuh oleh Tarawid. Peristiwa ini memperlihatkan persamaan dengan novel. Hal ini jelas dilihat dalam jadual 2:

JADUAL 2. Transformasi Peristiwa Tarawid dan Gagai Bertaruh Bagi Menyelamatkan Tobugi daripada Dibunuh oleh Tarawid

Novel Tombiruo: Penunggu Rimba	Filem Tombiruo: Penunggu Rimba
“Malam itu ketika hujan lebat, Tarawid dapat mencari tempat persembunyian kami. Waktu itu jugak dan tiba masanya Tobugi beranak. Gagai telah berkelahi dengan Tarawid kerana mempertahankan Tobugi. Gagal dapat ditewaskan, kepala Gagai dipenggal,” Nenek Monsiroi berhenti sekejap. Segumpal keluhan terhembus keluar. (Tombiruo: Penunggu Rimba, 2018: 359)	Adegan ini memaparkan Nenek Monsiroi mengimbas kembali peristiwa Tarawid bertaruh dengan seorang lelaki yang melindungi Tobugi daripada dibunuh oleh Tarawid. Namun, lelaki itu tewas dan kepalanya dipenggal kepala oleh Tarawid. (minit 2.41 hingga minit 4.11)

Sumber: Novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* 2018 dan Filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* 2017.

Jadual 2 menunjukkan peristiwa Tarawid dan Gagai bertaruh bagi menyelamatkan Tobugi daripada dibunuh oleh Tarawid. Peristiwa ini menceritakan tentang konflik yang berlaku melibatkan Tarawid dan Tobugi iaitu ibu bapa kepada Tombiruo dan Amiruddin. Sebelum Tombiruo dan Amiruddin dilahirkan, Tarawid berhasrat untuk membunuh Tobugi bagi menghapuskan segala bukti terhadap segala perbuatan sumbang yang dilakukannya terhadap Tobugi. Namun, niat untuk membunuh Tobugi tidak berjaya kerana telah dimusnahkan oleh Gagai. Hal ini kerana, Gagai telah membantu untuk melindungi Tobugi. Namun, nasib tidak menyebelahi Gagai apabila dia telah dibunuh oleh Tarawid. Peristiwa ini turut dipindahkan dan dijelmakan kembali oleh Nasir Jani ke dalam hiperteks menerusi minit 2.41 hingga minit 4.11.

Kemudian, transformasi pada bahagian ini juga turut dapat dikenalpasti menerusi peristiwa Pondolou membesarkan Ejim dengan ilmu kepahlawanan. Peristiwa ini telah dipindahkan dan dijelmakan ke dalam filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* bagi menceritakan tentang kehidupan Tombiruo dari zaman kanak-kanak hingga dewasa. Hal ini dapat dirujuk dalam jadual 3.

JADUAL 3. Transformasi Peristiwa Pondolou Membesarkan Ejim dengan Ilmu Kepahlawanan

Novel Tombiruo: Penunggu Rimba	Filem Tombiruo: Penunggu Rimba
“Ingat pesan bapa ni Ejim. Gerakan yang cepat akan mengalang serangan musuh. Ketajaman mata dapat mematahkan tipu helah lawan. Penumpuan fikiran amat penting sekali untuk membaca setiap muslihat ketika bertarung,” kata Pondolou. Sungguh-sungguh, memantapkan ilmu mempertahankan diri yang diperturunkan kepada anaknya. Pengalaman perang yang diamalkan selama ini akan diwarisi Ejim. (Tombiruo: Penunggu Rimba, 2018: 9-10)	Adegan ini memaparkan tentang Nenek Monsiroi bermimpi tentang Tombiruo. Dalam mimpi tersebut, Tombiruo masih hidup dan telah dibesarkan oleh Pondolou iaitu bekas tentera yang hidup di dalam Hutan Keningau. Pondolou telah membesarkan Ejim dengan ilmu kepahlawana yang membolehkan survival Ejim di dalam Hutan. (minit 7.18 hingga minit 7.53 minit)

Sumber: Novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* 2018 dan Filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* 2017.

Nasir Jani telah mentransformasikan sepenuhnya peristiwa Pondolou membesarkan Ejim dengan ilmu kepahlawanan ke dalam filem tetapi peristiwa ini telah diceritakan melalui watak Nenek Monsiroi. Hal ini dapat dilihat menerusi adegan pada minit 7.18 hingga minit 7.53 minit. Adegan ini memaparkan nenek Monsiroi menceritakan tentang mimpinya. Menerusi mimpinya, Pondolou dilihat membesarkan Tombiruo dengan ilmu kepahlawanan yang dapat melindungi anaknya daripada sebarang ancaman. Ini jelas menunjukkan bahawa Nasir Jani masih mengekalkan peristiwa yang sama yang terdapat dalam filem, namun cara penyampaian di dalam filem sedikit berbeza.

Selain itu, peristiwa Pondolou mengukir topeng kayu untuk Tombiruo turut dipindahkan dan dijelmakan dalam filem. Peristiwa ini penting untuk dipindahkan bagi menggambarkan kehidupan Tombiruo sewaktu zaman kanak-kanak hingga dewasa. Perkara ini dapat dilihat menerusi jadual 4.

JADUAL 4. Transformasi Peristiwa Pondolou Mengukir Topeng Kayu untuk Tombiruo.

Novel Tombiruo: Penunggu Rimba	Filem Tombiruo: Penunggu Rimba
Pondolou mengukir lambang tradisi kepahlawanan pada topeng yang baru disiapkan. Ejim hanya memerhati penuh minat dan tanda tanya. Seseekali Pondolou mengukir topeng itu pada wajah Ejim. Kemudian, dia meneruskan ukiran terakhir menghiasi topeng itu. Pondolou tersenyum setelah selesai kerja mengukir. Dia lantas menoleh ke arah anaknya.	Adegan ini memaparkan Ejim mengimbas kembali peristiwa dia dihina dan dipukul oleh penduduk kampung semasa sedang menyelamatkan seekor burung kerana mukanya tidak berwajah manusia. Setelah itu, Pondolou datang untuk menyelamatkannya. Kemudian, pondolou juga telah mengukir topeng muka bagi melindungi mukanya yang tidak berwajah manusia.

“Ejim, pakai topeng ni bila kita menyusuri sungai dan hutan,” ujar Pondolou menyerahkan topeng itu kepada Ejim.
(Tombiruo: Penunggu Rimba, 2018: 6-7)

Sumber: Novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* 2018 dan Filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* 2017.

Menerusi petikan yang terdapat dalam Jadual 4, dapat dijelaskan bahawa peristiwa ini mempunyai persamaan dengan filem. Nasir Jani telah mengambil keseluruhan peristiwa ini bagi menghasilkan filem *Tombiruo Penunggu Rimba*. Namun, cara penyampaian dalam filem sedikit berbeza dengan novel. Perkara ini jelas dapat dilihat menerusi adegan pada minit 32.40 hingga minit 34.27. Adegan ini memaparkan watak Tombiruo dihina dan dipukul oleh penduduk kampung kerana wajahnya yang tidak berwajah manusia. Selepas peristiwa itu, Pondolou telah mengukir topeng muka bagi melindungi muka anaknya, Tombiruo.

Seterusnya naratif bahagian pertengahan novel dan filem ini hanya memaparkan penyalinan peristiwa dari sumber asal. Hal ini dapat dibuktikan, menerusi peristiwa Amiruddin memburu Tombiruo kerana membunuh bapa mertua dan isterinya. Penyalinan yang dapat dilihat menerusi peristiwa ini adalah seperti berikut:

JADUAL 5. Transformasi Peristiwa Amiruddin Memburu Tombiruo kerana Membunuh Bapa Mertua dan Isterinya.

Novel Tombiruo: Penunggu Rimba	Filem Tombiruo: Penunggu Rimba
“TOMBIRUO! TOMBIRUO!” Amiruddin melaung kuat. Suaranya bergema di segenap hutan belantara. Ondu memegang kemas senapang sambil matanya liar ke sana ke sini, berwaspada menghadapi serangan musuh. Wan Suraya pulak terpaku di belaknag Ondu. “Tombiruo! Muncullah! Aku mahu jumpa kau!” jerit Amiruddin lagi.”Muncullah sekarang!” Ondu menghampiri Amirrudin. Wan Suraya turut berbuat demikian. “Mir, jomlah kita balik.Tombiruo takkan muncul. Dia bukannya manusia,” Ondu menyuarakan cadangannya. “Kalau kaun nak balik, kau baliklah dulu. Aku memang nak jumpa dia,”tegas Amiruddin. Kedengaran Ondu mengeluh. Tak tergamak pulak nak meninggalkan Amiruddin seorang diri di dalam hutan iu. (Tombiruo: Penunggu Rimba, 2018: 231-232)	Adegan ini memaparkan Amiruddin dan Ondu masuk ke dalam Hutan untuk memburu Tombiruo kerana menyangka bahawa Tombiruo membunuh isteri dan bapa mertuanya (minit 44.57.01)

Sumber: Novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* 2018 dan Filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* 2017.

Jadual 5 jelas menunjukkan penyalinan yang dilakukan oleh Nasir Jani ke dalam filem. Penyalinan ini telah dilakukan secara formal oleh Nasir Jani bagi mewujudkan konflik luaran yang timbul melibatkan Tombiruo dan Amirudin. Hal ini dapat dikenalpasti menerusi adegan pada minit 44.57.01. Adegan ini memaparkan Amiruddin dan Ondu masuk ke dalam Hutan untuk memburu Tombiruo kerana menyangka bahawa Tombiruo membunuh isteri dan bapa mertuanya. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa Nasir Jani telah memindahkan peristiwa ini ke dalam filem bagi mewujudkan ketegangan atau konflik antara watak Tombiruo dan Amiruddin. Konflik ini juga dapat menjelaskan bahawa watak yang ditampilkan sebagai saling berkait antara satu sama lain serta mencetuskan krisis.

Kemudian, transformasi pada bahagian pertengahan juga dapat dikenal pasti menerusi peristiwa Tombiruo dihanyutkan ke sungai manakala Amiruddin diserahkan kepada Gitom. Peristiwa ini memperlihatkan persamaan dengan novel. Nasir Jani telah memindahkan peristiwa ini secara formal ke dalam filem *Tombiruo: Penunggu Rimba*. Ini jelas dapat dilihat menerusi jadual 6:

JADUAL 6. Transformasi Peristiwa Tombiruo Dihanyutkan ke Sungai manakala Amiruddin Diserahkan kepada Gitom.

Novel Tombiruo: Penunggu Rimba	Filem Tombiruo: Penunggu Rimba
<p>“SIROI...rakit dah siap”Tiba-tiba Binjuyan muncul di muka pintu pondok.</p> <p>Monsiroi segera menoleh.</p> <p>“Kita mesti hanyutkan anak ni, Siroi. Kalau tak, malapetaka akan menimpa kita dan kampung kita.”</p> <p>“Tapi anak tu tak berdosa!”bantah Monsiroi.</p> <p>“Mana boleh, Siroi. Anak tu sial! Anak haram!”Binjuyan tetap tegas kepada pendirian dan kepercayaannya.</p> <p>“Tapi...”</p> <p>Binjuyan segera bersuara, Anak yang sulung itu kita hanyutkan dengan sungai manakala seorang lagi kau bawa keluar dari sini. Suruh orang lain pelihara,”</p> <p>“Apa lagi yang berlaku, Odu?” Ondu memaksa Nenek Monsiroi supaya meneruskan cerita.</p> <p>“Anak yang kedua, aku serahkan kepada Gitom. Aku suruh dia pelihara. Aku berikan dia seekor kerbau. Gitom setuju dan selepas tu dia bawa anak itu ke Tambunan,” ujar nenek.</p>	<p>Adegan ini memaparkan pergelutan antara Amiruddin dan Tombiruo. Hal ini berlaku kerana Amiruddin menyangka bahawa Tombiruo membunuh isteri dan bapa mertuanya. Namun, pergelutan antara mereka terhenti apabila Nenek Monsiroi mengeluarkan uri Tombiruo dan Amiruddin dalam memanggil roh Tobugi untuk membawa cinta dan kebaikan di antara Tombiruo dan Amiruddin. Selepas itu, nenek Monsiroi juga memberitahu bahawa mereka merupakan adik beradik kembar serta dilahirkan oleh ibunya bernama Tobugi. Kemudian nenek Monsiroi juga memberitahu bahawa dia telah memberikan Amiruddin kepada orang kampung sebagai penebusan (sogit) berserta seekor kerbau. Manakala, Tombiruo telah dihanyutkan ke sungai. Setelah itu, Tombiruo dan Amiruddin kemudiannya berhenti daripada bergelut. Seruan ke atas roh Tobugi telah menyelamatkan kedua-dua orang kembar ini daripada terus memusuhi sesama sendiri (minit 1:14:35 hingga 1:16:15)</p>

(Tombiruo: Penunggu Rimba , 2018: 360-361)

Sumber: Novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* 2018 dan Filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* 2017.

Berdasarkan Jadual 6, petikan menunjukkan persamaan antara peristiwa dalam novel dengan filem *Tombiruo: Penunggu Rimba*. Peristiwa ini telah dipindahkan ke dalam filem bagi menjelaskan asal usul kelahiran Tombiruo dan Amiruddin. Hal ini dapat dilihat menerusi adegan pada minit 1:14:35 hingga 1:16:15. Adegan ini memaparkan *Bobolian* Monsiroi mengimbas kembali peristiwa Tobugi melahirkan anak kembar dan salah satu daripadanya tidak berwajah manusia. Selepas dilahirkan, anak Tobugi yang tidak berwajah manusia telah dihanyutkan ke sungai oleh *Bobolian* Monsiroi, manakala adiknya telah diberikan kepada Gitom berserta dua ekor kerbau sebagai korban disebabkan kesalahan yang dilakukan. Hal ini telah dilakukan oleh *Bobolian Monsiroi* kerana komuniti mereka mempercayai bahawa kelahiran anak yang tidak berwajah manusia disebabkan 'keadaan panas yang diganggu oleh roh jahat'. Oleh itu, bagi mengembalikan kestabilan dunia yang dianggap panas oleh kesalahan yang dilakukan, denda ritual perlu dilakukan ataupun dipanggil 'pampasan yang menyejukkan' (*sogit*) terhadap korban dan kesalahan yang dibuat (Hani Salwah Yaakup, 2018). Adegan ini jelas memperlihatkan bahawa Nasir Jani telah memindahkan peristiwa ini secara keseluruhan bagi menjelaskan asal-usul kelahiran Tombiruo dan kembarnya, Amiruddin.

Pada bahagian akhir naratif filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* didapati tiada sebarang penyalinan dan pemindahan yang dilakukan oleh pengarah. Hal ini kerana, pengarah dan penulis skrip telah melakukan rombakan terhadap jalan cerita yang terdapat dalam novel sehingga memberi kesan terhadap bahagian akhir cerita. Oleh itu, bahagian pengakhiran cerita ini telah diubah mengikut kesesuaian plot cerita yang terdapat dalam filem.

Secara keseluruhan dapat dirumuskan bahawa, Nasir Jani telah melakukan pemindahan terhadap peristiwa pada bahagian permulaan dan bahagian pertengahan sahaja. Manakala, bahagian pengakhiran tiada penyalinan dan pemindahan yang dilakukan. Hal ini kerana, pengarah dan penulis skrip telah melakukan rombakan terhadap jalan cerita yang terdapat dalam novel. Rombakan ini telah memberi kesan terhadap keseluruhan plot cerita yang terdapat dalam filem khususnya pada bahagian akhir cerita.

Transformasi Watak dan Perwatakan

Watak dalam filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* turut memperlihatkan prinsip transformasi. Hal ini terbukti menerusi penampilan watak utama, protagonis, antagonis, dan sampingan dalam filem ini iaitu Tombiruo, Amiruddin, Juslan Ajus, Pondolou, Tan Sri Berham Omar, Bonda, Salina, Baizura, dan Ondu. Watak-watak ini telah ditransformasi oleh Nasir Jani ke dalam filem dari aspek nama watak dan perwatakan bagi menghasilkan filem *Tombiruo: Penunggu Rimba*.

Watak pertama yang dilakukan penyalinan ke dalam filem adalah watak Tombiruo. Watak ini merupakan watak utama yang menerajui filem ini. Watak ini dipaparkan sebagai seorang pemuda yang berumur dalam lingkungan 30-an. Watak ini juga digambarkan sebagai seorang pemuda yang bertubuh sasa dan wajahnya sentiasa bertopeng. Tombiruo juga turut dipaparkan sebagai penunggu hutan atau hantu. Hal ini kerana mukanya tidak berwajah manusia sehingga sering disalah tafsir. Namun hakikatnya, Tombiruo merupakan manusia biasa yang menghuni Hutan Keningau kerana jiwanya sehati dengan kawasan serta kehidupan di hutan tersebut (Ramlee Awang Murshid, 2018). Selain itu, Tombiruo juga digambarkan mempunyai perwatakan yang berani, baik hati, dan pandai berdikari. Watak dan perwatakan Tombiruo ini telah ditransformasikan oleh Nasir Jani dari novel ke filem. Hal ini dapat dibuktikan dalam petikan dalam Jadual 7:

JADUAL 7. Transformasi Watak dan Perwatakan Tombiruo

Novel Tombiruo: Penunggu Rimba	Filem Tombiruo: Penunggu Rimba
<p>Wajah lelaki sasa yang sengaja disembunyikan di sebalik topeng kayu, dihiasi dengan ukiran tradisi. Lelaki yang hidup jauh daripada masyarakat dan sengaja meminggir diri daripada pembangunan. Lelaki yang sentiasa berselubung dan menjadi lagenda di kalangan penduduk pendalaman. Dialah lelaki bergelar, Tombiruo, semangat hutan yang wujud daripada roh-roh halus. Walhal dia cuma manusia biasa.</p> <p>(Tombiruo: Penunggu Rimba (19), 2018: 425)</p> <p>Wan Suraya tergamam. Suaranya tersekat di rengkungan. Di hadapannya berdiri seorang lelaki sasa sambil menyandang pedang dan busur panah. Dialah Tombiruo, Wan Suraya terus tergamam. Matanya terbentang luas, Ejim yang digelar Tombiruo itu pu membuka ikatan Wan Suraya. Ejim menarik Wan Suraya keluar segera dari khemah itu.</p> <p>(Tombiruo: Penunggu Rimba, 2018: 408)</p>	<p>Adegan ini memaparkan lelaki bertubuh sasa dan mukanya disembunyikan di sebalik topeng kayu. Lelaki ini tinggal di dalam Hutan Keningau yang terasing daripada masyarakat luar. Seterusnya, lelaki ini digelar Tombiruo atau penunggu rimba.</p> <p>(minit 8.00 hingga 8.11)</p> <p>Adegan ini memaparkan Wan Suraya yang sedang bergelut dengan Wong. Pada masa yang sama, Wong berusaha untuk menembak Wan Suraya, namun perbuatan Wong telah dihalang oleh Tombiruo. Tombiruo telah bertaruh dengan Wong dan berjaya menyelamatkan Wan Suraya.</p> <p>(1: 02: 18 hingga minit 1:02:49)</p>

Sumber: Novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* 2018 dan Filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* 2017.

Berdasarkan Jadual 7 dapat dijelaskan bahawa, Nasir Jani telah mentransformasikan sifat fizikal Tombiruo ke dalam filem secara sepenuhnya. Hal ini terbukti pada minit 8.00 hingga minit 8.11. Adegan ini memaparkan lelaki yang bertubuh sasa dan wajahnya disembunyikan di sebalik topeng kayu. Ini jelas menunjukkan bahawa Nasir Jani tidak mengubah langsung ciri-ciri fizikal yang terdapat pada Tombiruo. Seterusnya, Tombiruo juga digambarkan dalam novel seorang yang baik hati. Sifat dan perwatakan ini turut dipindahkan dalam filem. Hal ini jelas dapat dilihat menerusi adegan pada minit 1: 02: 18 hingga minit 1:02:49 yang memaparkan Tombiruo sedang bergelut dengan Wong bagi menyelamatkan Wan Suraya daripada ditembak. Adegan ini menjelaskan bahawa Tombiruo merupakan seorang yang baik

hati apabila sanggup mengorbankan nyawanya demi menyelamatkan nyawa orang lain. Jelaslah, Nasir Jani telah mentransformasikan watak dan perwatakan Tombiruo dalam filem ini bagi menghidupkan dan memperkembangkan lagi jalan cerita yang terdapat dalam filem *Tombiruo: Penunggu Rimba*.

Transformasi juga dapat dilihat menerusi watak Amiruddin. Watak Amiruddin juga digarap oleh Nasir Jani sebagai teraju utama dalam filem ini. Watak ini lebih berpihak kepada watak protagonis. Watak Amiruddin dipaparkan sebagai seorang pemuda yang berumur dalam lingkungan 30-an. Watak ini juga digambarkan bekerja sebagai Renjer di Jabatan Perhutanan di Daerah Keningau. Amiruddin juga merupakan watak yang mempunyai perwatakan yang berani, bertanggungjawab, dan taat kepada perintah agama. Seterusnya, Amiruddin juga merupakan saudara kembar kepada Tombiruo yang terpisah selama 31 tahun. Selepas 31 tahun, mereka telah bertemu kembali. Namun, pelbagai konflik timbul melibatkan Tombiruo dan Amiruddin. Watak dan perwatakan Amiruddin juga turut ditransformasikan ke dalam filem *Tombiruo: Penunggu Rimba*. Hal ini jelas dilihat dalam Jadual 8:

JADUAL 8. Transformasi Watak dan Perwatakan Amiruddin.

Novel Tombiruo: Penunggu Rimba	Filem Tombiruo: Penunggu Rimba
Amiruddin mengucapkan salam pada akhir sembahyang. Dia beristighfar berulang kali memohon keampunan daripada Maha Pencipta. Berdoa. Selepas menunaikan kewajipan itu, Amiruddin dan kawan-kawanya yang bertugas sebagai renjer di Jabatan Perhutanan di Daerah Keningau telah meronda hampir seluruh hutan milik kerajaan untuk memastikan tidak ada pembalakan haram dilakukan disitu. (Tombiruo: Penunggu Rimba (19), 2018: 425)	Adegan ini memaparkan Amiruddin dan Ondu dalam perjalanan ke sesi sidang akhbar melibatkan Syarikat Anak Bumi, selepas melakukan rondaan di seluruh hutan milik kerajaan. (minit 11.42 hingga 12.18) Adegan ini memaparkan Amiruddin sedang mendirikan solat di biliknya selepas pulang dari melakukan tugasnya sebagai renjer hutan. (minit 51.36)

Sumber: Novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* 2018 dan Filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* 2017.

Menerusi Jadual 8 ini dapat dibuktikan bahawa Nasir Jani telah mentransformasikan watak dan perwatakan Amiruddin dalam filem *Tombiruo: Penunggu Rimba*. Nasir Jani masih mengekalkan watak ini yang berkerja sebagai Renjer Hutan. Hal ini terbukti menerusi minit 11.42 hingga 12.18. Adegan ini memaparkan Amiruddin dan Ondu dalam perjalanan ke sesi sidang akhbar melibatkan Syarikat Anak Bumi, Selain itu, Amiruddin juga digambarkan dalam hipoteks seorang yang taat kepada perintah agama. Sifat dan perwatakan ini turut dipindahkan ke dalam hiperteks namun dalam peristiwa yang berbeza. Ini jelas dilihat pada adegan pada minit 51:36. Adegan ini memaparkan Amiruddin mendirikan solat di biliknya selepas pulang dari melakukan tugasnya sebagai Renjer hutan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa Amiruddin merupakan seorang hamba yang taat kepada perintah kepada agama apabila dia menunaikan tanggungjawab utama yang perlu dilakukan oleh seorang yang beragama Islam iaitu menunaikan solat. Jelaslah bahawa Nasir Jani telah mewujudkan semula watak dan perwatakan Amiruddin dalam menghasilkan filem ini.

Seterusnya, watak antagonis bagi filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* juga memperlihatkan prinsip transformasi. Hal ini terbukti menerusi pemaparan watak

Juslan Ajus. Watak Juslan dipaparkan sebagai seorang lelaki yang berumur dalam lingkungan 40-an. Watak ini juga dipaparkan mempunyai perwatakan yang kejam, tamak, dan pentingkan diri sendiri. Watak ini juga mempunyai jawatan dalam Syarikat Anak Bumi milik Tuan Berham. Seterusnya, Juslan Ajus juga merupakan saudara kandung kepada Tuan Berham. Watak dan perwatakan ini telah ditransformasikan oleh Nasir Jani ke dalam filem *Tombiruo: Penunggu Rimba*. Hal ini dapat dibuktikan dalam Jadual 9:

JADUAL 9. Transformasi Watak dan Perwatakan Juslan Ajus.

Novel Tombiruo: Penunggu Rimba	Filem Tombiruo: Penunggu Rimba
<p>Saya telah meneliti dan menyemak beberapa kali surat wasiat yang dibatalkan itu, sebelum saya menyemak surat wasiat terakhir Tuan Berham. Surat wasiat yang tak jadi tu telah dimusnahkan atas permintaan Tuan Berham. Bagaimanapun, adik saya rupa-rupanya ada menyimpan salinanya. Sebelum surat wasiat asal dikeluarkan, tiga surat wasiat telah dibuat sebelumnya. Ketiga-tiga surat itu mengandungi nama Encik Omar, kecuali surat terakhir,” cerita Tony Leung. Dia mengeluarkan salinan surat-surat wasiat itu dan <i>briefcase</i> dan mengedarkannya bermula daripada ASP Johari sehinggalah ke tangan bonda.</p> <p>“Mungkin kerana itulah Omar sakit hati dan merancang untuk menganiayai arwah Tuan Berham. Dia telah merancang supaya Tuan Berham ditimpa kemalangan. Arwah Salina yang turut serta waktu itu turut menjadi mangsa! Beritahu Wan Suraya.</p> <p>Tombiruo: Penunggu Rimba (19), 2018: 473-474)</p> <p>“Er... Encik Rickey “Bonda mula bersuara. Rickey Leung serta merta melihat Bonda. Senyuman di bibirnya tiba-tiba mati. “Nama Omar sepupu arwah suami saya tidak disebut dalam wasiat tu kenapa?” Bonda bertanya untuk kepastian. Belum sempat Encik Rickey Leung membuka mulut, tiba-tiba Omar memintas, “Maafkan saya Encik Rickey Leung. Sebenarnya saya hanya membantu mengendalikan tugas-tugas Allaharyam Abang Berham di Syarikat itu.</p> <p>(Tombiruo: Penunggu Rimba (19), 2018: 147)</p>	<p>Adegan ini memaparkan Juslan membunuh saudaranya sendiri iaitu Tuan Berham dan anaknya Salina kerana tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh Tuan Berham mengenai Projek Empangan yang mampu memberi keuntungan yang besar kepada Syarikat Anak Bumi.</p> <p>(minit 1: 27: 46.)</p> <p>Adegan ini memaparkan Salina (anak Tan Sri Berham) memperkenalkan Juslan Ajus kepada Wan Suraya. Juslan Ajus merupakan adik kepada Tan Sri Berham Omar dan merupakan CFO bagi Syarikat Anak Bumi.</p> <p>(minit 20:22 hingga minit 20: 51)</p>

Sumber: Novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* 2018 dan Filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* 2017.

Jadual 9 membuktikan bahawa Nasir Jani telah mentransformasikan watak dan perwatakan Juslan Ajus ke dalam filem yang dihasilkan. Namun, terdapat sedikit perubahan dari segi nama watak iaitu nama Omar kepada Juslan Ajus. Walau bagaimanapun, watak ini tetap memainkan peranan atau perwatakan yang sama dalam filem iaitu seorang yang tamak terhadap harta Tan Sri Berham Omar sehingga sanggup membunuh Tan Sri Berham Omar. Hal ini terbukti menerusi adegan pada minit 1: 27: 46. Adegan ini memaparkan Juslan membunuh saudaranya sendiri iaitu Tan Sri Berham Omar dan anaknya Salina kerana tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh Tan Sri Berham Omar mengenai Projek Empangan yang mampu memberi keuntungan yang besar kepada Syarikat Anak Bumi. Selain itu, Nasir Jani juga turut mengekalkan watak ini yang mempunyai jawatan dalam Syarikat Anak Bumi milik Tan Sri Berham Omar. Hal ini jelas dapat dilihat menerusi adegan pada minit 20:22 hingga 20: 51. Adegan ini memaparkan Salina (anak Tan Sri Berham Omar) memperkenalkan Juslan Ajus iaitu CFO bagi Syarikat Anak Bumi kepada Wan Suraya. Menerusi adegan-adegan yang dipaparkan dalam filem, jelaslah menunjukkan bahawa Nasir Jani telah mewujudkan semula watak dan perwatakan Omar atau Juslan Ajus dalam menghasilkan filem ini. Watak Juslan ini penting untuk dipindahkan ke dalam filem kerana watak ini merupakan watak yang menentang terhadap watak Tombiruo dan Amiruddin di sepanjang jalan cerita.

Selain persamaan sifat dan nama pada watak protagonis dan antagonis, watak sampingan juga mengalami proses transformasi. Hal ini terbukti menerusi penampilan watak Pondolou, watak Tuan Berham, watak Bonda, watak Salina Berham, watak Baizura Berham, dan watak Ondu. Watak-watak ini telah dipindahkan oleh Nasir Jani dengan peranan yang sama ke dalam dalam filem. Namun, terdapat sedikit perbezaan dari aspek nama watak. Sebagai contohnya, watak Tuan Berham masih dikekalkan peranan sebagai pemilik Syarikat Anak Bumi, tetapi nama Tuan Berham telah diubah kepada Tan Sri Berham Omar. Watak-watak ini penting dipindahkan kerana ia mempunyai peranan yang besar dalam menggerakkan filem ini. Malah, watak ini juga berperanan mencetuskan konflik atau pertentangan sama ada secara dalaman atau luaran menerusi filem ini.

Secara kesimpulannya dapat dirumuskan bahawa terdapat sembilan watak yang telah ditransformasikan oleh Nasir Jani dari novel ke filem. Hal ini dapat dibuktikan menerusi penampilan watak protagonis, watak antagonis, dan watak sampingan dalam filem ini iaitu Tombiruo, Amiruddin, Juslan Ajus, Pondolou, Tan Sri Berham Omar, Bonda, Salina, Baizura, dan Ondu. Watak-watak ini telah ditransformasi oleh Nasir Jani ke dalam hipeteks dari aspek nama watak dan perwatakan bagi menghasilkan filem *Tombiruo: Penunggu Rimba*.

Transformasi Latar

Transformasi yang ketiga dianalisis adalah dari aspek latar. Transformasi daripada aspek latar ini penting dalam mengembangkan tema, persoalan, plot, dan watak. (Tuan Rusmawati & Mawar Safei, 2015). Terdapat tiga jenis latar yang ditransformasikan oleh Nasir Jani dalam menghasilkan filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* iaitu latar tempat, latar masa, dan latar masyarakat. Latar tempat yang dikemukakan dalam filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* telah memperlihatkan prinsip transformasi. Hal ini terbukti menerusi perbandingan yang dibuat terhadap novel dan filem. Perbandingan ini jelas

menunjukkan bahawa Nasir Jani telah memindahkan beberapa latar tempat yang terdapat dalam novel ke dalam filem *Tombiruo: Penunggu Rimba*. Pemindahan latar tempat dilakukan bagi mewujudkan suasana yang sebenar seperti novel yang dirujuk. Walau bagaimanapun, terdapat juga latar tempat yang dilakukan perubahan mengikut kesesuaian plot cerita yang terdapat dalam filem. Hal ini kerana, plot cerita yang terdapat dalam novel dan filem mengalami perbezaan yang ketara.

Berdasarkan filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* ini, Nasir Jani telah memindahkan latar tempat menerusi ruang *internal* dan *external*. Antara ruang *internal* dan *external* yang dipindahkan adalah hutan Keningau di Sabah. Hal ini kerana, *Tombiruo* iaitu watak utama yang dirujuk dalam hipoteks merupakan penunggu hutan yang tinggal di Hutan Keningau, Sabah. Sejak dilahirkan sehingga dewasa, *Tombiruo* tinggal dan membesar di dalam kawasan hutan Keningau serta tidak pernah meninggalkan kawasan hutan tersebut. Malah, *Tombiruo* juga diamanatkan oleh bapanya untuk menjaga keamanan hutan Keningau daripada pencerobohan orang asing. Hal ini dapat dibuktikan dalam Jadual 10:

Jadual 10. Latar Tempat yang Ditransformasi daripada Novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* ke Filem *Tombiruo: Penunggu Rimba*

Novel <i>Tombiruo: Penunggu Rimba</i>	Filem <i>Tombiruo: Penunggu Rimba</i>
“Ejim...anakku!Seluruh hutan ini adalah rumah dan syurgamu,” Pondolou mula bersuara (<i>Tombiruo: Penunggu Rimba</i> (19), 2018:5) Setelah hampir 22 tahun berlalu, Ejim sudah sehati dengan wasiat bapanya itu. Tatkala Ejim dewasa, dia sudah melaksanakan tugasnya sebagai raja di hutan seperti yang diamanatkan dahulu. (<i>Tombiruo: Penunggu Rimba</i> (19), 2018:6)	Adegan ini memaparkan tentang Nenek Monsiroi bermimpi tentang <i>Tombiruo</i> . Dalam mimpi tersebut, <i>Tombiruo</i> masih hidup dan telah dibesarkan oleh Pondolou iaitu bekas tentera yang hidup di dalam Hutan Keningau. Pondolou telah membesarkan Ejim dengan ilmu kependekaran yang membolehkan survival Ejim di dalam Hutan. (minit 7.18 hingga minit 7.53 minit)
“Tolonglah bukan senang nak bertemu dengan seorang lelaki yang digelar <i>Tombiruo</i> daerah ini. Daripada cerita mereka <i>Tombiruo</i> adalah semangat hutan yang menjaga kawasan ini. Yang banyak berjasa menghalau orang-orang yang berniat jahat,” pujuk Wan Suraya. (<i>Tombiruo: Penunggu Rimba</i> , 2018:428)	Adegan ini memaparkan lelaki bertubuh sasa dan mukanya disembunyikan di sebalik topeng kayu. Lelaki ini tinggal di dalam Hutan Keningau yang terasing daripada masyarakat luar. Seterusnya, lelaki ini digelar <i>Tombiruo</i> atau penunggu rimba. (minit 11.42 hingga 12.18)

Sumber: Novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* 2018 dan Filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* 2017.

Jadual 10 menunjukkan persamaan latar tempat yang digunakan Nasir Jani dalam menghasilkan filem *Tombiruo: Penunggu Rimba*. Nasir Jani mengambil latar ini untuk menjelaskan tentang asal-usul *Tombiruo* dan dimana *Tombiruo* dibesarkan. Hal ini jelas dapat dilihat menerusi adegan pada minit 7.18 hingga minit 7.53 minit. Adegan ini memaparkan Nenek Monsiroi bermimpi tentang *Tombiruo*. Dalam mimpi tersebut, *Tombiruo* masih hidup dan telah dibesarkan oleh Pondolou di dalam Hutan Keningau. Selain daripada adegan ini, adegan pada minit 11.42 hingga 12.18 turut menunjukkan bahawa Nasir Jani telah memindahkan latar tempat ini ke dalam filem. Adegan ini memaparkan *Tombiruo* tinggal di dalam Hutan Keningau yang terasing daripada

masyarakat luar. Berdasarkan adegan-adegan yang dipaparkan dalam filem dapat dijelaskan bahawa Nasir Jani telah mentransformasikan latar tempat ini seperti yang terdapat dalam novel.

Selain memindahkan latar hutan Keningau di dalam hiperteks, Nasir Jani juga turut melakukan pemindahan terhadap latar tempat bagi banglo milik Tan Sri Berham yang terletak berhampiran Hutan Keningau di Sabah. Banglo ini penting untuk dipindahkan ke dalam filem bagi menjelaskan konflik yang berlaku terhadap keluarga Tan Sri Berham. Konflik ini mula wujud selepas kematian Tan Sri Berham dan anaknya Salina. Hal ini dapat dibuktikan di dalam petikan di bawah:

JADUAL 11. Latar Tempat yang Ditransformasi daripada Novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* ke Filem *Tombiruo: Penunggu Rimba*

Novel Tombiruo: Penunggu Rimba	Filem Tombiruo: Penunggu Rimba
Sejak kematian Tuan Berham dan Salina, suasana muram sentiasa menyelubungi rumah dua tingkat itu. Sudah seminggu kedua-dua arwah itu bersemadi menghadap TUHAN sepertimana yang sudah ditakdirkan, jasa dan roh dipisahkan, kembali kepada perjanjian asal penciptaan manusia. (Tombiruo: Penunggu Rimba , 2018:140)	Adegan ini memaparkan Bonda, Baizura, Juslan, dan Wong berbincang tentang ancaman yang dilakukan oleh Tombiruo terhadap Syarikat Anak Bumi di kediaman Tan Sri Berham. (minit 48:41)

Sumber: Novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* 2018 dan Filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* 2017.

Jadual 11 menunjukkan latar tempat yang telah diambil dari novel *Tombiruo: Penunggu Rimba*. Dari perbandingan di atas dapat dijelaskan bahawa Nasir Jani telah mengambil latar tempat yang sama dari novel. Hal ini terbukti menerusi adegan pada minit 48:41. Adegan ini memaparkan Bonda, Baizura, Juslan, dan Wong berbincang tentang ancaman yang dilakukan oleh Tombiruo terhadap Syarikat Anak Bumi di kediaman Tan Sri Berham. Menerusi penelitian terhadap adegan ini dapat dijelaskan bahawa Nasir Jani telah memindahkan latar ini ke dalam filem.

Seterusnya, Nasir Jani juga turut melakukan pemindahan terhadap latar tempat bagi kilang kayu balak milik Syarikat Anak Bumi. Latar tempat ini penting untuk dipindahkan bagi mengukuhkan lagi konflik yang terdapat dalam filem. Terutama konflik melibatkan Tombiruo dengan Syarikat Anak Bumi. Hal ini dapat dibuktikan di dalam petikan di bawah:

JADUAL 12. Latar Tempat yang Ditransformasi daripada Novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* ke Filem *Tombiruo: Penunggu Rimba*

Novel Tombiruo: Penunggu Rimba	Filem Tombiruo: Penunggu Rimba
Proton perdana kepunyaan Omar betul-betul berhenti di luar pagar kilang syarikat Anak Bumi Sdn Bhd. Di sebuah pintu pagar itu ada sebuah pondok pengawal. (Tombiruo: Penunggu Rimba , 2018:373)	Adegan ini memaparkan Tombiruo melakukan serangan terhadap kilang dan perkerja Syarikat Anak Bumi. Hal ini kerana, Wong ketua sekuriti bagi Syarikat Anak Bumi telah meembunuh ayahnya. Tombiruo ingin membalas dendam terhadap Wong. (minit 39:37 hingga 40:00)

Sumber: Novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* 2018 dan Filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* 2017

Jadual 12 menunjukkan latar tempat yang diambil daripada novel. Menerusi perbandingan diatas dapat dijelaskan bahawa Nasir Jani masih mengekalkan latar tempat yang sama dari novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* namun berbeza peristiwa. Hal ini jelas dilihat menerusi adegan pada minit 39:37. Adegan ini memaparkan Tombiruo melakukan serangan terhadap kilang dan perkerja Syarikat Anak Bumi. Hal ini kerana, Wong ketua sekuriti bagi Syarikat Anak Bumi telah membunuh ayahnya. Tombiruo ingin membalas dendam terhadap Wong. Ini jelas menunjukkan bahawa latar tempat yang dipaparkan dalam hiperteks dipengaruhi oleh prinsip intertekstualiti yang paling jelas sekali iaitu transformasi.

Latar masa dalam filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* juga telah berlaku proses transformasi. Nasir Jani telah memindahkan latar masa yang terdapat dalam novel ke dalam filem. Latar masa bagi filem ini mengambil masa beberapa bulan yang bermula pada waktu siang dan berakhir pada waktu malam. Namun, tidak dapat ditentukan tarikh, bulan dan tahun yang digambarkan secara tepat. Walau bagaimanapun, filem ini berlatarkan zaman sekarang atau era globalisasi kerana wujudnya penggunaan kereta land rover, telefon bimbit, kamera, televisyen, dan senapang oleh watak-watak dalam filem ini. Latar masa juga turut dipindahkan ke dalam filem. Hal ini dapat dibuktikan dalam Jadual 13:

JADUAL 13. Latar Masa yang Ditransformasi daripada Novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* ke Filem *Tombiruo: Penunggu Rimba*

Novel Tombiruo: Penunggu Rimba	Filem Tombiruo: Penunggu Rimba
Tepat jam 10.00 pagi, sebuah Land Rover Jabatan Perhutanan Daerah bergerak perlahan memasuki kawasan tempat letak kereta Syarikat Anak Bumi Sdn Bhd. (Tombiruo: Penunggu Rimba , 2018:216)	Adegan ini memaparkan Ondu memandu Land Rover untuk ke sesi sidang akhbar melibatkan Syarikat Anak Bumi, selepas melakukan rondaan di seluruh hutan milik kerajaan. (minit 11.42 hingga 12.18)
	Adegan ini memaparkan Wong yang sedang berusaha menembak Tombiruo menggunakan pistol. Namun, tembakan tersebut terkena pada Pondolou. (minit 18.06)

Sumber: Novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* 2018 dan Filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* 2017.

Jadual 13 jelas menunjukkan pengarang telah mentransformasikan latar masa yang sama dengan novel yang diadaptasi bagi mewujudkan suasana yang sebenar seperti novel yang dirujuk. Nasir Jani masih mengekalkan latar masa yang berlatarkan zaman moden. Hal ini jelas dapat ditemui menerusi adegan pada minit 11.42 hingga 12.18. Adegan ini memaparkan Ondu memandu Land Rover untuk ke sesi sidang akhbar melibatkan Syarikat Anak Bumi, selepas melakukan rondaan di seluruh hutan milik kerajaan. Melalui penggunaan kereta Land Rover oleh watak Ondu di dalam adegan ini jelas menunjukkan bahawa filem ini berlatarkan zaman moden.

Latar masyarakat dalam filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* juga turut dilakukan penelitan. Berdasarkan penelitian terhadap latar ini dapat dijelaskan bahawa Nasir Jani telah memindahkan latar masyarakat yang sama ke dalam filem bagi mengekalkan keaslian cerita. Latar masyarakat pertama yang dipindahkan ke dalam filem adalah masyarakat yang masih mempercayai unsur mistik seperti wujudnya hantu yang dikenali sebagai Tombiruo. Tombiruo merupakan roh atau hantu yang dipercayai wujud oleh masyarakat Kadazan-Dusun yang berperanan menjaga keamanan hutan Keningau daripada dicerobohi oleh orang asing (Ramlee Awang Murshid, 2018). Latar masyarakat ini telah dipindahkan oleh Nasir Jani daripada novel ke dalam filem. Hal ini dapat dibuktikan dalam Jadual 14:

JADUAL 14. Latar Masyarakat yang Masih Mempercayai Unsur Mistik

Novel Tombiruo: Penunggu Rimba	Filem Tombiruo: Penunggu Rimba
“Aku ikut aje tapi aku bimbang kalau kita lapah pelanduk tu di hutan ni. Orang kata, hutan ni ada penunggunya. Ada Tombiruo dekat sini.” (Tombiruo: Penunggu Rimba, 2018: 71)	Adegan ini memaparkan Ejim mengimbas kembali peristiwa dia digelar hantu oleh penduduk kampung semasa sedang menyelamatkan seekor burung kerana mukanya tidak berwajah manusia. (minit 32.40)
“Tolonglah, bukan senang nak bertemu dengan seorang lelaki yang digelar Tombiruo di daerah ini. Daripada cerita mereka, Tombiruo adalah semangat hutan	Adegan ini memaparkan Tombiruo melindungi penduduk kampung di daerah hutan Keningau apabila kampung tersebut

yang menjaga kawasan ini. Yang banyak dicerobohi oleh pihak pengganas (minit 16:27) berjasa menghalau orang-orang yang berniat jahat”, pujuk Wan Suraya, lembut.

(Tombiruo: Penunggu Rimba, 2018: 428)

Sumber: Novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* 2018 dan Filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* 2017

Jelaslah, bahawa Nasir Jani telah melakukan proses transformasi dari segi latar masyarakat di dalam filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* dimana beliau telah memaparkan masyarakat yang masih mempercayai unsur mistik seperti wujudnya hantu yang dikenali sebagai Tombiruo. Perkara ini jelas dipaparkan menerusi adegan pada minit 32.40. Adegan ini memaparkan Ejim mengimbas kembali peristiwa dia digelar hantu oleh penduduk kampung semasa sedang menyelamatkan seekor burung kerana mukanya tidak berwajah manusia. Jelaslah, Nasir Jani telah metransformasikan latar ini ke dalam filem.

Latar masyarakat kedua yang ditransformasikan ke dalam filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* adalah masyarakat yang masih bergantung kepada sumber hutan. Hal ini jelas dapat dilihat menerusi pemaparan watak protagonis iaitu Tombiruo Tombiruo merupakan makhluk yang begitu bergantung kepada sumber hutan. Segala keperluannya diperolehi daripada sumber hutan. Melalui hutan, Tombiruo memperoleh sumber makanan, bahan ubat-ubatan dan sebagainya. Gambaran masyarakat ini turut dipindahkan ke dalam filem *Tombiruo: Penunggu Rimba*. Namun dalam peristiwa yang berbeza. Perkara ini dapat dibuktikan dalam Jadual 15:

JADUAL 15. Latar Masyarakat yang Bergantung kepada Sumber Hutan.

Novel Tombiruo: Penunggu Rimba	Filem Tombiruo: Penunggu Rimba
“Ejim memperlahankan langkah kakinya sambil tunduk ke bawah mencari cendawan yang tumbuh melata di atas rumput belukar. Dia perlu menyiapkan makanan tengah hari. Cendawan akan dibuat sayur dan kemungkinan dia akan menjerat beberapa ekor burung hutan untuk dibuat lauk.” (Tombiruo: Penunggu Rimba, 2018: 221)	Adegan ini memaparkan Amiruddin mempelawa Tombiruo untuk pulang ke rumahnya bagi mengubati luka akibat diserang oleh Wong. Namun, Tombiruo telah menolak pelawaan Amiruddin. Tombiruo memberitahu Amiruddin bahawa hutan boleh mengubati lukanya. (minit 1:39: 07 hingga minit 1:39:42)
“Ejim merebus akar-akar kayu yang dikutipnya di hutan itu siang tadi. Akar-akar kayu itu akan dibuat ubat untuk mengurangkan kepedihan dan kesakitan luka di pahanya. Air ubat itu akan diminum dan akarnya pula akan ditampal pada luka supaya cepat sembuh.” (Tombiruo: Penunggu Rimba, 2018: 249)	

Sumber: Novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* 2018 dan Filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* 2017

Berdasarkan Jadual 15 jelas menunjukkan bahawa, Nasir jani telah memindahkan latar masyarakat ini ke dalam filem. Perkara ini jelas dilihat menerusi adegan pada pada minit 1:39: 07 hingga minit 1:39:42. Adegan ini memaparkan Amiruddin mempelawa Tombiruo untuk pulang ke rumahnya bagi mengubati luka

akibat diserang oleh Wong. Namun, Tombiruo telah menolak pelawaan Amiruddin. Pada masa yang sama, Tombiruo memberitahu Amiruddin bahawa hutan boleh mengubati lukanya. Hal ini jelas menunjukkan bahawa, latar masyarakat yang dipaparkan oleh Nasir Jani jelas telah dipengaruhi prinsip intertekstualiti yang jelas sekali iaitu transformasi.

Latar masyarakat seterusnya yang dipindahkan ke dalam hiperteks adalah masyarakat yang zalim dan kejam. Gambaran masyarakat ini jelas dapat ditemui menerusi pemaparan watak Juslan. Juslan digambarkan sebagai seorang kejam sehingga sanggup membunuh Tuan Berham. Gambaran masyarakat ini turut dipindahkan ke dalam hiperteks. Perkara ini dapat dibuktikan dalam Jadual 16:

JADUAL 16. Latar Masyarakat yang Zalim dan Kejam.

Novel Tombiruo: Penunggu Rimba	Filem Tombiruo: Penunggu Rimba
<p>Saya telah meneliti dan menyemak beberapa kali surat wasiat yang dibatalkan itu, sebelum saya menyemak surat wasiat terakhir Tuan Berham. Surat wasiat yang tak jadi tu telah dimusnahkan atas permintaan Tuan Berham. Bagaimanapun, adik saya rupa-rupanya ada menyimpan salinanya. Sebelum surat wasiat asal dikeluarkan, tiga surat wasiat telah dibuat sebelumnya. Ketiga-tiga surat itu mengandungi nama Encik Omar, kecuali surat terakhir,” cerita Tony Leung. Dia mengeluarkan salinan surat-surat wasiat itu dan <i>briefcase</i> dan mengedarkannya bermula daripada ASP Johari sehinggalah ke tangan bonda.</p> <p>“Mungkin kerana itulah Omar sakit hati dan merancang untuk menganiayai arwah Tuan Berham. Dia telah merancang supaya Tuan Berham ditimpa kemalangan. Arwah Salina yang turut serta waktu itu turut menjadi mangsa! Beritahu Wan Suraya.</p> <p>(Tombiruo: Penunggu Rimba (19), 2018: 473-474)</p>	<p>Adegan ini memaparkan Juslan telah membunuh saudaranya sendiri iaitu Tan Sri Berham Omar dan anaknya Salina kerana tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh Tan Sri Berham Omar mengenai Projek Empangan yang mampu memberi keuntungan yang besar kepada Syarikat Anak Bumi.</p> <p>(minit 1: 27: 46.)</p>

Sumber: Novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* 2018 dan Filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* 2017.

Berdasarkan Jadual 16 Nasir Jani telah memindahkan latar masyarakat ini ke dalam hiperteks. Hal ini terbukti menerusi adegan pada minit 1: 27:46. Adegan ini memaparkan Juslan telah membunuh saudaranya sendiri iaitu Tan Sri Berham kerana tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh Tuan Berham mengenai Projek Empangan yang mampu memberi keuntungan yang besar kepada Syarikat Anak Bumi. Menerusi adegan tersebut jelas memperlihatkan bahawa Juslan tergolong dalam masyarakat yang kejam apabila dia sanggup membunuh saudaranya sendiri demi harta dan wang ringgit.

Secara keseluruhan dapat dirumuskan bahawa, terdapat tiga jenis latar yang ditransformasikan oleh Nasir Jani dalam menghasilkan *filem Tombiruo: Penunggu Rimba* iaitu latar tempat, latar masa, dan latar masyarakat. Transformasi terhadap ketiga-tiga aspek latar ini penting untuk menyampaikan naratif yang padu kepada penonton (Fatimah Muhd Shukri & Nur Afifah Vanitha. 2016). Menerusi latar tempat, Nasir Jani telah memindahkan beberapa latar tempat yang terdapat dalam novel ke dalam filem. Pemindahan latar tempat ini dilakukan menerusi ruang *internal* dan *external*. Pemindahan latar tempat ini penting bagi mewujudkan kesan yang lebih realistik dan sebenar. Manakala bagi latar masa, Nasir Jani telah memindahkan keseluruhan latar masa yang terdapat dalam novel ke dalam filem. Latar masa bagi filem ini mengambil masa beberapa bulan yang bermula pada waktu siang dan berakhir pada waktu malam. Namun, tidak dapat ditentukan tarikh, bulan dan tahun yang digambarkan secara tepat. Walau bagaimanapun, filem ini berlatarkan zaman sekarang atau era globalisasi. Pemindahan latar masa ini penting bagi membina keyakinan kepada pembaca dan penonton tentang perkembangan sesebuah cerita dan juga watak-watak (S Othman Kelantan, 1985). Bagi latar masyarakat, Nasir Jani telah memindahkan latar masyarakat yang sama ke dalam hiperteks bagi mengekalkan keaslian cerita. Latar masyarakat yang dipindahkan adalah masyarakat yang masih mempercayai unsur mistik, masyarakat yang masih bergantung kepada sumber hutan, dan masyarakat yang zalim dan kejam. Namun begitu, terdapat juga latar masyarakat yang dilakukan perubahan dalam filem. Pemindahan latar masyarakat ini ke dalam filem penting bagi mencetuskan konflik sama ada menerusi pemikiran ataupun secara fizikal dengan watak-watak yang wujud (Ramli Isin, 1987).

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, artikel ini menemukan bahawa sebahagian utama naratif dari novel telah dipindahkan ke filem oleh pengarah *Tombiruo: Penunggu Rimba*. Pengarah filem ini, Nasir Jani melakukan pemindahan naratif menerusi aspek plot, watak, dan latar dalam filem. Pada masa yang sama aspek plot dan watak juga mengalami proses transformasi yang agak signifikan pada bahagian awal dan tengah naratif filem ini. Hal ini berlaku kerana, filem merupakan media visual yang mempunyai kelemahan dan kekuatan yang tersendiri. Naratif filem ini harus melalui transformasi kerana filem berbentuk audio visual. Filem memiliki sifat berbeza berbanding novel dan oleh yang demikian gaya naratif novel tidak mungkin dapat digarap secara mutlak ke bentuk filem. Oleh yang demikian naratif sebuah novel harus melalui transformasi untuk dipersembahkan dalam bentuk filem.

RUJUKAN

- Ayu Dewy Puspa. 2017. *Tombiruo: Penunggu Rimba* Setaraf Filem Antarabangsa. Muat turun 30 Julai 2020 daripada <http://www.astroawani.com/berita-hiburan/tombiruo-penunggu-rimba-setaraf-filem-antarabangsa-158528>
- Fatimah Muhd Shukri & Nur Afifah Vanitha Abdullah. 2016. Ruang, Masa dan Sebab Akibat dalam Naratif Filem Animasi Geng Pengembaraan Bermula. *Jurnal Melayu*, 15(2), 237-249.
- Finas. 2017. *Tombiruo: Penunggu Rimba* Bakal Mengujakan Penonton. Muat turun 30 Julai 2020 daripada <https://www.finas.gov.my/en/tombiruo-penunggu-rimba-bakal-mengujakan-penonton-bermula-12-oktober-2017/>.
- Hani Salwah Yaakup. 2018. Adaptasi Novel ke Filem dan Representasi Kepercayaan Setempat. *Jurnal Komunikasi*, 34 (2), 323-337.
- Liz Shackleton. 2016. Malaysia Rallies International Team for 'Tombiruo'. Muat turun 19 Oktober 2020 daripada <https://www.screendaily.com/news/malaysia-rallies-international-team-for-tombiruo/5108760.article>
- Mawar Safei. 2010. *Novel Intertekstual Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Saberi Muda & Mas Rynna Wati Ahmad. 2017. Puisi Ke Teater: Transformasi Karya Marzuki Ali. *Jurnal Melayu*, 16 (1) 201, 102-114.
- Najwa Abu Bakar, 2017. Tombiruo ke Pasaran Amerika Syarikat. Muat turun 19 Oktober 2020 daripada <https://iluminasi.com/bm/tombiruo-ke-pasaran-amerika-syarikat.html>
- Nina Farzuin, 2019. Ramlee Awang Murshid hasil 30 novel dalam masa 21 tahun. Muat turun 30 Julai 2020 daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/21056/BERITA/Nasional/Ramlee-Awang-Murshid-hasil-30-novel-dalam-masa-21-tahun>.
- Nur Nafishah Azmi, Rohani Hashim, & Rahimah A.Hamid. 2012. Kesetiaan kepada Teks: dari Novel ke Filem Ranjau Sepanjang Jalan. Kertas kerja, Persidangan Shahnon Ahmad dalam Sastera, Budaya, dan Media, Pusat Pengajian Ilmu Ke-manusiaan Universiti Sains Malaysia & Dewan Bahasa dan Pustaka, Pulau Pinang, Oktober.
- Ramlee Awang Murshid, 2018. *Tombiruo: Penunggu Rimba*. Shah Alam: Buku Prima
- Ramli Isnin. 1988. *Berkenalan dengan Novel*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti.
- Rubiah Aksah, 2015. Adaptasi Filem Lariskan Tombiruo. Muat turun 30 Julai 2020 daripada <https://www.sinarharian.com.my/mobile/politik/adaptasi-filem-lariskan-tombiruo-1.377517>
- Syed Othman Kelantan. 1985. *Teknik Mengkaji Novel*. Kuala Lumpur: Karya Bestari.
- Tombiruo: Penunggu Rimba. 2017. Filem Aksi Seram. Malaysia: Astro Shaw.
- Tuan Rusmawati Raja & Mawar Safei. 2015. Intertekstualiti dan Konflik Sosial dalam Angin Timur Laut. *Jurnal Melayu*, 14 (2), 328-345.

Biodata Penulis:

Nur Aifaa Nabilah Binti Mohd Rosdi adalah pelajar sarjana di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau menjalankan kajian dalam bidang filem adaptasi novel di Malaysia.

Nur Afifah Vanitha Abdullah (PhD) adalah pensyarah kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah pengajian seni persembahan dengan fokus kepada bidang drama dan teater.

Fatimah Muhd Shukri adalah pelajar doktor falsafah di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia.